

KENYATAAN MEDIA

MAKLUM BALAS HOSPITAL KUALA LUMPUR (HKL) BERHUBUNG KES KEMALANGAN DI TEMPAT LETAK KERETA AWAM HKL

Kuala Lumpur, 29 Jun 2025 – Hospital Kuala Lumpur (HKL) ingin merujuk kepada kes kemalangan di tempat letak kereta awam di premis HKL yang berlaku pada 29 Jun 2025 (Ahad), jam 4.30 petang. Kes kecederaan seorang lelaki warga asing yang didapati mengalami kecederaan di bahagian kepala.

Warga asing tersebut telah menerima rawatan sewajarnya di Jabatan Kecemasan dan Trauma HKL pada hari kejadian. Laporan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga telah dibuat pada hari yang sama di Balai Polis Dang Wangi. Pihak HKL telah memberikan kerjasama yang sewajarnya kepada pihak polis dengan menyerahkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) bagi membantu siasatan.

Kes ini masih dalam siasatan pihak polis. Sehubungan itu, HKL menyerahkan sepenuhnya kepada pihak polis untuk melaksanakan siasatan dan tidak akan mengeluarkan kenyataan yang boleh mengganggu siasatan yang sedang dijalankan.

-TAMAT-

DATO' DR. HARIKRISHNA K.R. NAIR

Pengarah Hospital Kuala Lumpur

3 Julai 2025

Disediakan oleh :

Unit Komunikasi Korporat, Hospital Kuala Lumpur

Email: pro.hkl@moh.gov.my / Telefon: 03-26155555

